

04 SEP 1997

Mahathir-Langkah

LANGKAH UNTUK MEMBENDUNG MANIPULASI DITARIK BALIK

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Semua langkah yang diumumkan baru-baru ini untuk membendung manipulasi di pasaran saham akan ditarik balik esok kerana kerajaan berpendapat langkah-langkah itu telah berkesan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Mulai esok, kaunter berkaitan 100 indeks yang meliputi Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur tidak lagi akan disenaraikan sebagai "kaunter ditanda", kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini.

"Kita berpendapat bahawa usaha untuk membendung manipulasi telah berhasil dan manipulator tidak lagi boleh menjalankan kegiatan itu di pasaran," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau tidak menjangka bahawa langkah-langkah itu yang cuma diperkenalkan minggu lepas untuk membendung manipulasi, jualan pendek dan pinjaman skrip telah berkesan dalam tempoh yang singkat.

Mengenai soalan bahawa pasaran saham belum pulih walaupun beliau mengeluarkan kenyataan bahawa manipulasi terkawal, beliau berkata arah aliran hari ini disebabkan oleh sentimen.

Dr Mahathir berkata tiga pengurus dana asing telahpun membantu untuk menyokong pasaran hari ini sambil berkata pembabitan mereka membayangkan kesungguhan untuk menyertai pasaran saham tempatan.

Walaupun Indeks Komposit hari ini mencecah paras rendah iaitu 675.15, pasaran dapat menampung kerugian untuk ditutup pada 731.12 akibat sokongan belian.

Komponen CI diumumkan sebagai kaunter ditanda hampir dua minggu lalu dan ini bermakna hanya mereka yang mempunyai saham-saham yang sah dalam akaun Sistem Depositori Pusat boleh menjual saham.

Sementara itu, Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga hadir pada persidangan berita itu berkata keputusan menarik balik peraturan ke atas kaunter ditanda dibuat selepas berbincang dengan agensi-agensi berkaitan seperti Suruhanjaya Sekuriti, BSKL dan sektor swasta.

"Semuanya akan kembali seperti biasa esok, urusan pembelian dan jualan akan berjalan seperti biasa tetapi kita masih menghalang jualan pendek dan manipulasi," kata beliau.

Beliau berkata tiada sekatan bagi pelabur asing kerana mereka akan dibenarkan menjual saham melalui prosedur biasa tetapi sebarang bentuk manipulasi tidak dibenarkan.

Dr. Mahathir berkata: "Mereka yang menjual mesti mempunyai saham dalam tangan dan mereka yang membeli harus mempunyai wang. Bank tidak lagi dibenar bagi menjamin pinjaman atau jaminan apabiola saham diserahkan.

Penasihat Ekonomi kepada kerajaan Tun Daim Zainuddin, yang juga hadir, berkata beliau akan menemui beberapa pengurus sana esok, sesetengah daripada mereka telah menunjukkan minat untuk membeli saham di pasaran.

Mengenai kejatuhan Ringgit yang mencapai paras RM3.0 hari ini berbanding Dolar Amerika, Dr Mahathir berkata keadaan akan pulih dan ia cuma menunggu masa.

Anwar berkata kerajaan akan mengawasi usaha bagi mengurangkan defisit akaun semasa seperti mengurangkan import sementara langkah lain berkaitan percukaian akan diumumkan semasa pembentangan Belanjawan Negara. -- BERNAMA

SHO FAZ